

22 AUG 2004

UTP-Konvokesyen

UTP PERLU JADI PENERAJU BIDANG TEKNOLOGI DAN INOVASI - DR MAHATHIR

BANDAR SERI ISKANDAR, 22 Ogos (Bernama) -- Universiti Teknologi Petronas (UTP) perlu menambah program-program yang ditawarkan untuk membolehkannya menjadi peneraju dalam bidang teknologi dan inovasi.

Canselornya Tun Dr Mahathir Mohamed berkata UTP boleh menggunakan kelebihan dan keupayaan Petronas untuk memajukan lagi keupayaan institusi itu ke peringkat yang lebih tinggi.

"UTP perlu menggembleng segala kekuatan yang ada bagi menjadikan mereka sebuah universiti yang mampu melahirkan para graduan yang berkualiti sehingga ke peringkat antarabangsa," katanya dalam ucapannya pada majlis konvokesyen ke-4 UTP di Dewan Canselor UTP, dekat sini hari ini.

Turut hadir pada majlis itu ialah Pro Canselor UTP Tan Sri Mohd Hassan Marican dan Rektor UTP, Dr Rosti Saruwono.

Bekas Perdana Menteri itu berkata universiti sentiasa berhadapan dengan cabaran-cabaran yang baru dan kerana itu mereka perlu memperkenalkan program-program yang sesuai dengan keadaan semasa.

Beliau turut menasihatkan para graduan mengenai pentingnya mereka menjadi seorang yang bertanggungjawab dan menghindari daripada bersikap sombong dan sebaliknya bersikap merendah diri.

"Berebalkan kelebihan dan pendidikan yang menyeluruh, graduan perlu bersedia melangkah ke dunia luar dalam era globalisasi. Pergunakanlah pengetahuan dan teknologi terkini untuk bina kredibiliti," katanya.

Majlis konvokesyen pada kali ini menyaksikan buat pertama kalinya 19 graduan dari luar negara tajaan Petronas merupakan antara 464 graduan yang menerima ijazah mereka.

Graduan terbabit adalah dari negara yang Petronas melabur iaitu seramai 10 orang dari Afrika Selatan, 6 dari Turkmenistan dan tiga dari Sudan.

Pada majlis itu, tiga penerima Anugerah Canselor ialah graduan Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) Elektrik dan Elektronik Mohd Azmin Ishak bagi anugerah Emas, graduan Sarjana Muda (Kepujian) Mekanikal Teh Eng Soon bagi anugerah Perak dan D. Dimitry, graduan Sarjana Muda (Kepujian) Elektrik dan Elektronik bagi anugerah Gangsa.

Pemilihan mereka berdasarkan kecemerlangan dalam akademik, kepimpinan, persatuan dan sukan.

-- BERNAMA

KAY RHM